

**PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH**

SEBAB MUSABAB PELANGGARAN DISIPLIN DI KALANGAN
ANGGOTA-ANGGOTA POLIS DIRAJA MALAYSIA
SATU KAJIAN DI DAERAH CAMPBELL, KUALA LUMPUR

----- ooooo 0000000 ooooo -----

OLEH :

SULAIMAN BIN HJ. MAHMUD (TPP)

(J 0254)

----- ooooooooooooo -----

PROJEK KAJILIDIKAN YANG DIKEMUKAKAN KEPADA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA UNTUK MEMENUHI
SYARAT DIPLOMA SAINS KEPOLISAN

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN & KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI
DAN MAKTAB POLIS DIRAJA MALAYSIA, KUALA KUBU BHARU
SESI 1991 / 1992

RUJUKAN SAHAJA

SINOPSIS

Masalah pelanggaran disiplin adalah suatu masalah yang universal. Ianya dihadapi oleh pelbagai organisasi dan institusi tanpa mengira samada yang besar, sederhana atau yang kecil. Ia juga bukanlah satu perkara atau fenomena yang baru tetapi telah wujud sekian lama.

Pasukan Polis Di Raja Malaysia sebagai satu organisasi yang besar tidak juga bebas dari hakikat ini. Kerapkali tersiar di akhbar-akhbar tempatan tentang berita-berita pelanggaran disiplin oleh anggota polis. Keadaan ini mungkin akan melahirkan perasaan yang negatif di kalangan masyarakat umum. Sebagai pasukan yang menguatkuasakan undang-undang negara dan yang menjamin ketenteraman awam, perilaku yang bercanggah dengan kepentingan pasukan akan mengakibatkan suasana yang tidak sihat.

Dengan itu adalah penting bagi Pasukan untuk mengekalkan mutu disiplin yang tertinggi supaya kepercayaan rakyat tidak akan tergugat. Pelaksanaan tugas-tugas juga dapat dijayakan dengan penuh tanggungjawab. Kajiilidikan ini diikhtiarkan dengan pertimbangan kepada keadaan yang dibincangkan. Tujuannya adalah untuk mengkaji punca sebab musabab berlakunya pelanggaran disiplin dikalangan anggota Polis Di

Raja Malaysia.

Kajian ini dilaksanakan di daerah Polis Campbell. Daerah ini dijadikan sampel bagi keadaan semasa di Kontingen Kuala Lumpur. Data kajilidikan diperolehi melalui borang-borang yang diedar kepada semua peringkat anggota. Borang ini diolah secara khusus untuk mendapatkan maklumbalas berkaitan masalah pelanggaran disiplin. Diharap dengan penganalisan data yang diperolehi dan syor serta cadangan yang di rumuskan akan dapat memberi sedikit maklumat dan sokongan kepada tindakan-tindakan bagi mengatasi masalah ini.

Kertas kajian ini dibahagikan kepada lima bahagian iaitu Pendahuluan, Latar Belakang Daerah Polis Campbell, Teori-teori Pelanggaran Disiplin, Penganalisan Data dan Rumusan dan Cadangan.

Di dalam bab yang pertama, diperbincangkan permasalahan disiplin secara umum dengan memberi statistik-statistik yang diperolehi dari Urusetia KPM (Tatatertib) Bukit Aman. Statistik ini adalah bagi keseluruhan Polis Di Raja Malaysia. Ia dapat memberi maklumat sepenuhnya keatas peningkatan pelanggaran disiplin dari tahun ketahun. Selain dari itu dinyatakan juga keanggotaan Cawangan Tatatertib Ibu Pejabat Bukit Aman.

Didalam bab ini juga diperturunkan hipotesis-hipotesis metodologi kajian ini. Selain dari itu disenaraikan definisi-definisi yang kerap dipergunakan didalam penulisan kajian ini.

Bab yang kedua diisi dengan butir-butir latar belakang daerah Polis Campbell. Ini bertujuan untuk membayangkan keadaan sekitaran yang dialami oleh anggota dan pegawai yang bertugas di daerah berkenaan. Keadaan sosio-ekonomi tempatan diutarakan sebagai salah satu hipotesis kajian. Turut diperbentangkan didalam bab ini adalah statistik pelanggaran disiplin daerah berkenaan dan keanggotaan yang terkemas kini. Di sinaraikan juga keanggotaan Cawangan Tatatertib Kontingen Kuala Lumpur.

Didalam bab yang ketiga pula diperbincangkan aspek-aspek disiplin secara meluas. Dinyatakan peri pentingnya sesebuah organisasi, tidak kira samada ianya besar atau sebaliknya, supaya peka kepada masalah disiplin yang wujud di kalangan kakitangannya. Sedikit panduan pengendalian disiplin turut dibentangkan. Umpamanya, dinyatakan cara pengendalian atau pendekatan secara disiplin positif dan secara pendekatan negatif. Disertakan juga senarai sebab musabab berlakunya pelanggaran disiplin yang di hasilkan dari kajian oleh Urusetia KPN (Cawangan Tatatertib).

PENYIMPANAN

Bab selanjutnya yaitu bab keempat, dibincangkan hasil penganalisisan data. Data yang kumpulkan di agihkan kepada kedua hipotesis yang dirangka dan diuji dapataannya. Hasil yang diperolehi menunjukkan kedua-dua hipotesis boleh diterima. Ianya ialah, kurangnya pengawasan dari pegawai atasan dan keadaan persekitaran menjadi faktor utama berlakunya pelanggaran disiplin.

Di bab yang terakhir yaitu, bab kelima, dapatan penganalisisan data secara keseluruhan diperbincangkan. Berasaskan dapatan ini cadangan dan sokongan di kemukakan dengan harapan supaya gejala yang tidak sihat ini dapat dibendung dan terkawal.

KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
Sinopsis.....	(i)
Penghargaan.....	(v)
Kandungan.....	(vi)
BAB 1 - PENDAHULUAN	
Pengenalan.....	1
Ringkasan Pemasalahan.....	3
Tujuan Kajiilidikan.....	8
Hipotesis.....	8
Definisi.....	9
Metodologi.....	10
a. Lokasi Responden.....	10
b. Pengumpulan Data.....	10
c. Rujukan Perpustakaan.....	11
d. Temubual.....	11
e. Borang Soalselidik.....	11
f. Keanggotaan.....	12
g. Rumusan dan Cadangan.....	12
h. Kajian Lampau.....	13
i. Skop dan Batasan.....	13
BAB 11 - LATAR BELAKANG DAERAH POLIS CAMPBELL	

Pendahuluan.....	15
Kawasan dan Penduduk.....	16
Kegiatan Sosial dan Ekonomi.....	18
Pentadbiran dan Keanggotaan.....	19
Statistik Kesalahan Tatatertib Bagi Daerah Campbell....	21

BAB 111 - TEORI-TEORI PERLAKUAN PELANGGARAN DISIPLIN

Pendahuluan.....	26
Pendekatan Kepada Disiplin.....	29
Kajian Cawangan Urusetia (Tatatertib) Bukit Aman.....	31

BAB 1V - PENGANALISASAN DATA

Penganalisan Data.....	41
Perbincangan.....	59

BAB V - RUMUSAN DAN CADANGAN

Rumusan.....	63
Syor dan Cadangan.....	70
Penutup.....	75
Bibliografi.....	78

LAMPIRAN-LAMPIRAN